

10/01/1998

Suri rumah patut bantu kerajaan

Hazirah Che Sab

PELBAGAI pihak sependapat suri rumah perlu memainkan fungsi penting mereka bagi membantu kerajaan memulihkan ekonomi.

Mereka menyokong pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kempen mengamalkan sikap berjimat-cermat suri rumah sewajarnya mempunyai pengetahuan mengenai pendidikan urusan rumah tangga.

Dr Mahathir berkata, suri rumah bertanggungjawab mendidik anak supaya membesar sebagai rakyat yang bijak menguruskan kewangan.

"Didik anak supaya rasa bangga dengan kemampuan mereka mengawal perbelanjaan. Tabiat yang baik ini akan membentuk peribadi yang baik," kata beliau dalam temubual yang disiarkan secara langsung melalui rancangan Malaysia Hari Ini terbitan TV3 semalam.

Perdana Menteri juga mengingatkan supaya suri rumah berhati-hati ketika berbelanja, menabung di dalam bank, membeli barangan buatan tempatan serta mengikis tabiat berlumba-lumba sesama sendiri.

Ketua Satu Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (Pertiwi), Datuk Zakiah Hanum Abdul Hamid, menyifatkan pandangan Dr Mahathir sebagai salah satu cara yang boleh diguna pakai oleh suri rumah dalam membuat belanjawan seharian rumah tangga.

Katanya, pandangan itu membuktikan Dr Mahathir tidak menafikan kepentingan suri rumah kerana jelas ia ditujukan kepada golongan itu yang disifatkan boleh membantu mengukuhkan semula ekonomi negara melalui amalan berjimat-cermat.

"Antara pandangan yang perlu diikuti ialah supaya suri rumah menabung di dalam bank bukan sekadar menyimpan di rumah," katanya.

Beliau juga meminta ibu bapa supaya tidak terlalu memberi kemewahan kepada anak kerana ia akan membentuk sikap mereka menjadi pemboros dan suka membazir.

Presiden Yayasan Wanita Islam Malaysia (Yati), Datin Latifah Jailani, berkata penjelasan Perdana Menteri harus diambil berat oleh wanita keseluruhannya kerana golongan itu mempunyai pengaruh besar dalam ekonomi.

Katanya, berjimat-cermat bukan saja perlu diamalkan ketika negara mengalami kegawatan ekonomi malah setiap masa bersesuaian dengan ajaran Islam yang bencikan pembaziran.

"Jika bijak mengatur kewangan keluarga bererti suri rumah secara tidak langsung menyumbangkan sesuatu bagi membaiki keadaan," katanya.

Menurutnya, suri rumah perlu menanam sikap bersederhana dalam kehidupan kepada anak supaya mereka tidak terlalu mewah.

"Mungkin pada mulanya agak sukar kerana anak zaman ini sudah terbiasa hidup mewah tetapi ia perlu diteruskan," katanya.

Latifah turut menyarankan supaya tidak terlalu terikut gaya hidup orang lain sehingga sanggup bersusah-payah mendapatkan apa yang dihajati.

"Dalam keadaan ini, golongan mewah pun terpaksa menghadkan perbelanjaan mereka. Biarlah kita berbelanja mengikut kemampuan.

"Saya rasa bulan Ramadan ini adalah masa paling sesuai untuk kita semua belajar mengawal nafsu yang inginkan kemewahan," katanya.

Suri rumah, Roslini Ahmad, 33, berkata padangan Perdana Menteri itu wajar diberi perhatian semua pihak, bukan suri rumah saja.

Katanya, jika suri rumah saja yang mengamalkan sikap jimat-cermat tetapi orang lain masih bermewah-mewah matlamat mengukuhkan semula ekonomi dalam masa singkat agak sukar dicapai.

"Saya tidak nafikan suri rumah adalah golongan sasaran memandangkan

mereka mempunyai kuasa beli paling besar tetapi bagaimana dengan golongan yang masih mengagungkan barangan import," katanya.

Roslina juga berkata, beliau memang mengamalkan kesederhanaan dalam kehidupan keluarganya dan anak-anaknya juga tidak dimanjakan dengan memberi kemewahan berlebihan.

Mengenai sesetengah kaum wanita yang gemar meniru gaya hidup orang lain walaupun tidak mampu, beliau berkata sikap itu perlu dikikis kerana ia bukan saja menyusahkan individu terbabit tetapi juga boleh menimbulkan rasa kurang senang di kalangan masyarakat.

"Jika orang lain mampu, biarlah mereka berbelanja lebih. Bagi kita yang kurang mampu berbelanjah sekadar yang perlu. Agama kita tidak pernah menyuruh umatnya bertanding dengan orang lain dalam kemewahan hidup," katanya.

(END)